

Tatacara Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan

PROSEDUR PERMOHONAN

- Jabatan/PTJ perlu mengambil langkah-langkah berikut:
 1. Semak rekod lama yang ada dalam simpanan.
 2. Asingkan rekod kewangan dan bukan kewangan.
 3. Asingkan rekod kewangan mengikut penyelesaian akhir segala urusan.
 4. Semak tempoh simpanan seperti yang telah ditetapkan di **Lampiran M** – [Arahan Perbendaharaan 150(i)], Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan dan Jadual Pemisahan Rekod Jabatan (jika ada).
 5. Menyediakan senarai rekod kewangan dan perakaunan yang hendak dimusnahkan (Borang Kewangan – Arkib 4/08). Borang pelupusan ini boleh dimuat turun dilaman sesawang Arkib Negara Malaysia www.arkib.gov.my
 6. Hantar permohonan ke Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Audit Negara untuk kebenaran/sokongan.
 7. Dapatkan sokongan lain daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuhan Malaysia (SPRM) dan Audit Dalam (jika perlu).
 8. Terima surat kebenaran/sokongan daripada agensi/jabatan di atas.
 9. Kemukakan dokumen berikut untuk kelulusan Bendahari Negeri.
 - a. Surat permohonan
 - b. Senarai rekod kewangan dan perakaunan yang hendak dimusnahkan (Borang Kewangan – Arkib 4/08)
 - c. Surat kebenaran/sokongan daripada Arkib Negara Malaysia (**wajib**)
 - d. Surat kebenaran/sokongan daripada Jabatan Audit Negara (**wajib**)
 - e. Surat kebenaran/sokongan daripada SPRM dan Audit Dalam (jika ada)
 10. Terima surat kelulusan daripada Bendahari Negeri.
 11. Lakukan pemusnahan dalam tempoh **tiga (3) bulan dari tarikh surat kelulusan Bendahari Negeri** (samada dijual/bakar/perincih/tanam) seperti yang telah ditetapkan melalui surat Kementerian Kewangan rujukan KB557/97/54 Jd.4(47) bertarikh 3 November 1993.
 12. Kembalikan Borang Penentusahan Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Borang Kewangan – Arkib 13/08) ke Bahagian Pengurusan Perakaunan, Perbendaharaan Negeri dan Pengarah Arkib Negara Malaysia Negeri Terengganu dalam tempoh **satu (1) bulan** selepas pemusnahan dilaksanakan.
- Rujukan:
 - Arahan Perbendaharaan 150
 - Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan
- Permohonan bagi memusnahkan rekod kewangan hendaklah dialamatkan kepada:

Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
Bahagian Pengurusan Perakaunan
Tingkat 3
Wisma Darul Iman
20592 Kuala Terengganu.